

**PERATURAN PERTANDINGAN  
MAHRAJANMEMANAH INSTITUSI PENDIDIKAN AGAMA  
PERINGKAT KEBANGSAAN 2019**

**TARIKH :18 – 21 NOVEMBER 2019  
TEMPAT : SAM BANDAR BARU SALAK TINGGI**

**1. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN**

Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang WORLD ARCHERY (WA) dan Peraturan-Peraturan Am MSSM.

**2. JENIS PERTANDINGAN**

**2.1 Pertandingan akan dijalankan selama empat (4) hari.**

2.1.1 1 (SATU )hari 60m Rounds

2.1.2 1 (SATU )hari Pusingan Olimpik Individu

2.1.3 1 (SATU) hari Pusingan Olimpik Berpasukan

2.1.4 1 (SATU) hari Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran penutup dan penyampaian hadiah

**2.2 Lelaki Perseorangan**

2.2.1 60M ROUNDS (target face 122 cm)

**2.3 Perempuan Perseorangan**

2.3.1 60M ROUNDS (target face 122 cm)

**2.4 Pusingan Olimpik Individu ( Lelaki danPerempuan )**

2.4.1 Jarak yang dipertandingkan ialah 60 m ( Lelaki dan Perempuan )

2.4.2 Bagiacara individu, 64 pemanah lelaki dan 64 pemanah perempuan terbaik dalam pertandingan 60M ROUNDS akan memasuki Pusingan Olimpik.

**2.5 Pusingan Olimpik Berpasukan ( Lelaki danPerempuan )**

2.5.1 Bagi acara berpasukan, 24 PASUKAN TERBAIK akan ke Pusingan Olimpik berpasukan.

**2.6 Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran**

2.6.1 Bagi acara berpasukan campuran, 24 PASUKAN TERBAIK akan ke Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran.

### 3. PENDAFTARAN PEMAIN / PEMBENTUKAN PASUKAN

#### 3.1 Pasukan

Setiap pasukan hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan Perempuan terdiri daripada :

<u>Pasukan</u>	<u>LELAKI</u>	<u>PEREMPUAN</u>
Pengurus Pasukan		1 orang
Jurulatih	1 orang	1 orang
Peserta	4 orang	4 orang
<b><u>JUMLAH</u></b>	<b><u>6 orang</u></b>	<b><u>5 orang</u></b>

#### 3.2 Acara Individu

Setiap pasukan dibenarkan menghantar hanya empat (4) peserta lelaki Dan empat (4) peserta wanita bagi setiap kategori umur dalam acara individu.

#### 3.3 Umur peserta

mestilah tidak melebihi 16 tahun (tingkatan 4 padatahun 2019). Setiap pasukan tidak dibenar mendaftarkan peserta yang melebihi umur 16 tahun ke atas.

#### 3.4 Acara Berpasukan

3.4.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar hanya empat (4) orang peserta lelaki Dan empat (4) orang peserta perempuan dalam acara berpasukan.

3.4.2 Setiap pasukan terdiri daripad empat (4) orang peserta. Jumlah mata Tertinggi Bagi tiga (3) orang peserta adalah dikira pemenang

3.4.3 Pasukan yang menghantar kurang dari tiga (3) peserta tidak layak menyertai acara berpasukan.

3.4.4 Bagi acara berpasukan pusingan Olimpik, pasukan hanya dibenarkan menghantar 3 orang Pemanah sahaja.

3.4.5 Bagi acara berpasukan campuran, pemanah terbaik lelaki dan perempuan setiap pasukan akan diambil kira secara automatik sebagai wakil pasukan. Sebarang pertukaran pemain, boleh dibuat sebelum acara bermula dengan mendapat keizinan dari COJ.

#### 3.5 Jurulatih

3.5.1 Jurulatih bukan di kalangan pegawai pelajaran di bawah IPA tidak boleh disenarai sebagai pegawai pasukan. (Rujuk Peraturan Am MSSM 8.1)

3.5.2 Jurulatih luar dibenarkan berada di khemah peserta sahaja.

3.5.3 Jurulatih luar tidak dibenarkan memasuki kawasan pertandingan melebihi dari garisan peralatan (*equipment line*)

#### **4. SISTEM PERTANDINGAN**

- 4.1 Setiap peserta dikehendaki memanah kesemua dua (2) jarak yang Dipertandingkan sebanyak tiga puluh enam (36) anak panah bagi setiap jarak yang berjumlah tujuh puluh dua (72) anak panah keseluruhan. Peserta yang mendapat mata tertinggi bagi setiap jarak akan dikira pemenang.
- 4.2 Bagi Pusingan Olimpik, peraturan yang digunakan adalah mengikut Peraturan WA.

#### **5. GELANGGANG / ALATAN**

Rujuk Undang-Undang World Archery (WA).

#### **6. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN**

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan semasa hari pendaftaran.

**Tarikh :18 NOV 2019      Masa: 9.00 PAGI      Tempat : Bilik Gerakan, SAM BBST**

- 6.2 Selepas taklimat pengurus, sebarang permohonan/ gantian peserta tidak dibenar.

#### **7. MASA MELAPOR DIRI**

Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim COJ Kejohanan Untuk Pemeriksaan wajib peralatan pertandingan (*Tackle Inspection*) pada hari pertandingan.

#### **8. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH**

Sila rujuk Peraturan Am (11) MSSM dibaca bersama Peraturan WA Rules Book 2 Bab 7.4 dan Bab 7.8

#### **9. BANTAHAN**

- 9.1 Sila rujuk Peraturan Am (12) MSSM.
- 9.2 Setiap pasukan dibenarkan membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan dibenarkan Membuat bantahan.
- 9.3 Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengarah Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.

#### **10. JURI RAYUAN**

Silarujuk Peraturan Am (13) MSSM

#### **11. PENGADIL (HAKIM DAN PEGAWAI PERTANDINGAN)**

Hakim-hakim dan Pegawai Pertandingan akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Dengan Kerjasama Institusi Pendidikan Agama (IPA) Jabatan Pelajaran Negeri Selangor.

**12. PENTAFSIRAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN-PERATURAN PERTANDINGAN.**

Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak mentafsirkan segala perkara yang tidak disiarkan di Dalam undang-undang / peraturan pertandingan ini dan keputusan yang dibuat adalah muktamad.

**13. PUNGUTAN MATA PINGAT KEJOHANAN**

- 13.1 Kiraan mata adalah mengikut format yang digunakan di dalam Kejohanan Memanah MSSM
- 13.2 Sekolah yang memperoleh mata tertinggi di dalam semua kategori akan dikira sebagai Johan Keseluruhan Mahrajan Memanah Peringkat Negeri Selangor 2018
- 13.3 Bagi acara Individu dan Berkumpulan Pusingan Kelayakan dan Pusingan Olimpik Individu, akan menggunakan Pungutan Mata Norma.
- 13.4 Bagi acara Pusingan Olimpik Berpasukan dan Pusingan Olimpik Berpasukan Campuran, akan menggunakan Pungutan Mata mengikut kategori Cup atau Plate.

<b>Kedudukan</b>	<b>Pungutan mata Pusingan Kelayakan Ind dan Kump</b>	<b>Pungutan mata Pusingan Olimpik</b>
<b>Emas</b>	30	30
<b>Perak</b>	23	23
<b>Gangsa</b>	18	18
<b>Ke 4</b>	15	15
<b>Ke 5</b>	13	10
<b>Ke 6</b>	12	
<b>Ke 7</b>	11	
<b>Ke 8</b>	10	
<b>Ke 9</b>	9	5
<b>Ke 10</b>	8	
<b>Ke 11</b>	7	
<b>Ke 12</b>	6	
<b>Ke 13</b>	5	
<b>Ke 14</b>	4	
<b>Ke 15</b>	3	
<b>Ke 16</b>	2	